

29/04/1999

Negara berjaya lepas jerat spekulator

KETIKA beberapa negara di rantau ini masih bergelumang dengan masalah ekonomi, Malaysia mengorak langkah dengan yakin meninggalkan keadaan yang mengerikan dialami sejak Julai 1997. Detik-detik hitam yang berpunca daripada percaturan jahat spekulator mata wang antarabangsa, sedikit demi sedikit ditinggalkan dan kini jalan di hadapan bertambah cerah. Jika sebelum ini Malaysia dikutuk dan kepemimpinan negara dipersalahkan kerana didakwa tidak pandai menguruskan ekonomi negara.

Hari ini, semua pihak memuji langkah negara ini, malah tindakan Malaysia membuka mata dunia kerana dianggap satu-satunya negara yang berjaya menyelesaikan masalah yang begitu rumit dalam jangka masa yang singkat. Ketika negara lain yang lebih awal diserang masih bertungkus lumus membetulkan semula kedudukan, Malaysia kini sudah menyusun pelbagai rancangan masa depan untuk kepentingan rakyatnya.

Ketika menguatkuasakan langkah kawalan modal secara berpilih yang antaranya menetapkan ringgit pada kadar RM3.80 bersamaan AS\$1 dan menolak saranan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Malaysia diramalkan begitu sukar untuk keluar daripada arus kegawatan. Ini diikuti dengan masalah politik dalam negara, dikuatkan pula dengan pengaruh keceramukan politik di Indonesia, menguatkan lagi andaian pihak terutama media asing bahawa ekonomi Malaysia akan lumpuh. Sangkaan mereka ternyata meleset. Sebaliknya, Malaysia bangkit dengan sokongan padu rakyat untuk sama-sama memulihkan ekonomi negara. Hari ini, ia terbukti berjaya.

Pemulihan ekonomi yang berlaku hari ini bukanlah gimik untuk menarik keyakinan umum terhadap kedudukan ekonomi negara, tetapi ia adalah realiti semasa yang diakui masyarakat dunia. Hampir semua sektor ekonomi bergerak cergas semula sama ada di bidang perdagangan, perkhidmatan, perbankan, perindustrian, hartanah dan sebagainya. Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatakan masa sukar sudah pun berlalu, ia adalah satu kenyataan.

Jika sebelum ini pinjaman kewangan sukar diperolehi, kini bank sudah pun membuka semula pelbagai kemudahan pinjaman daripada membeli kenderaan hinggalah kepada perniagaan yang besar. Peniaga pula boleh menarik nafas panjang kerana pusat perniagaan mereka mula dikerumuni orang ramai. Jika sebelum ini orang ramai begitu berhati-hati untuk membeli rumah kediaman, sekarang mereka sudah pun membuat tempahan atau mengemukakan pinjaman perumahan. Jika sebelum ini pasaran saham lembap dan indeks komposit merudum, hari ini keadaan sebelum 1997 hampir berulang. Semua ini membuktikan kegiatan ekonomi aktif semula seperti sedia kala.

Jika sebelum ini Malaysia digembar-gemburkan sebagai kawasan yang tidak selamat untuk pelaburan, keadaannya sudah berubah. Pelabur kian ramai masuk ke negara ini tambahan pula kebelakangan ini sudah ada ramalan mengatakan kadar ringgit akan dinilai semula berikutan kedudukannya kian kukuh. Dengan alasan pelabur akan mendapat untung yang besar berikutan pengukuhan ringgit, peningkatan kemasukan pelabur ke negara ini begitu malakkan.

Jika sebelum ini agensi penarafan antarabangsa memberi gambaran begitu negatif terhadap kedudukan ekonomi negara ini yang menyebabkan keyakinan antarabangsa terhadap Malaysia terjejas, kini mereka mula mengubah pendirian selepas melihat pemulihan yang berlaku begitu drastik. Agensi penarafan antarabangsa, Standard & Poor, umpamanya menyemak penarafan yang diberikannya kepada ekonomi Malaysia daripada negatif kepada stabil.

Penarafan Standard & Poor itu dibuat dengan mengambil kira kedudukan kecairan yang kukuh dengan simpanan antarabangsa AS\$20 bilion (RM106.40 bilion) meliputi 250 peratus kewajipan membayar semula hutang awam dan swasta. Hutang bersih awam pula berada hanya pada 7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dan hutang bersih awam 6 peratus daripada eksport. Agensi itu menyifatkan Malaysia mempunyai ekonomi yang kukuh dan terbuka dan kadar simpanan domestik kasar melebihi 40 peratus daripada KNK ke arah pemulihan ekonomi yang memberangsangkan. Pusat pelaburan luar negara, Morgan Stanley Dean Witter pula melihat kedudukan kredit di Malaysia adalah antara yang bermutu tinggi di Asia.

Berasaskan kepada hakikat ini dan kestabilan politik yang begitu jelas kebelakangan ini, adalah tidak diragui ekonomi Malaysia akan tumbuh dengan pesat. Bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada pihak yang masih mahu melihat Malaysia kecundang. Mereka akan meneruskan niat jahat dengan menggunakan pelbagai cara walaupun terpaksa menipu.

(END)